

**TERJEMAHAN MAJAZ MURSAL DALAM SURAH AL-BAQARAH  
BERDASARKAN TERJEMAHAN PERKATA  
TRANSLATION OF MAJAZ MURSAL IN SURAH AL-BAQARAH BASED  
ON WORD-BY-WORD TRANSLATION**Muhammad Adib Bin Hassan<sup>1\*</sup>, Mohamad Syukri Abdul Rahman<sup>2</sup><sup>1</sup> Pelajar Sarjana Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, adibhassan990307@gmail.com<sup>2</sup> Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, msyukri@kuis.edu.my

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 1 Oktober 2022

| Selepas Pembetulan: 22 Nov 2022

| Diterima untuk terbit: 30 Nov 2022

**Abstrak**

*Majāz mursal* adalah suatu lafaz yang digunakan bukan pada makna aslinya karena adanya alaqah ghair musyabahah (hubungan bukan perumpamaan) disertai qarinah (petunjuk) yang mencegahnya dari makna asli dan antara hubungan tersebut adalah seperti hubungan sebab, hubungan *musabab* (kesan), hubungan separa, hubungan berkaitan perkara yang telah berlaku, hubungan berkaitan perkara yang belum berlaku, hubungan tempat, keadaan dan lain-lain. Hubungan antara maksud asal dengan maksud dikehendaki bukan berunsurkan penyerupaan, tetapi mengandungi hubungan kemaknaan. Oleh itu, gaya bahasa *majāz mursal* perlu diterjemahkan dengan jelas agar maksudnya yang sebenar dapat disampaikan dengan tepat ke dalam bahasa sasaran. Justeru, kajian ini bertujuan meneliti terjemahan ayat al-Quran yang mengandungi gaya bahasa *majāz mursal* ke dalam bahasa Melayu untuk melihat kesepadanan maksud sebenar yang terdapat dalam mesej al-Quran dengan teks sasaran dengan menggunakan metod kajian teks. Sepuluh ayat al-Quran dalam surah al-Baqarah yang mengandungi *majāz mursal* daripada alaqah (hubungan) yang berbeza dipilih untuk dianalisa. Antara tujuan analisis tersebut adalah untuk melihat dengan lebih dekat metodologi penterjemahan *Majāz mursal* yang digunakan oleh penterjemah al-Quran terjemahan perkata terbitan Yayasan Restu. Dapatan kajian ini dapat dirumuskan bahawa penterjemah menterjemahkan ayat-ayat al-Quran yang dikaji berdasarkan zahir nas tanpa menekankan aspek metafora *Majāz mursal* dan tujuan lafaz itu dibuat. Ia boleh dikategorikan sebagai terjemahan harfiah/literal. Dalam hal ini penulis berpandangan bahawa penterjemahan *Majāz mursal* dari bahasa sumber ke bahasa sasar khususnya bahasa Arab ke bahasa Melayu perlu kepada penjelasan maksud dari sudut balaghah dengan menjelaskan tujuan lafaz itu dibuat agar para pembaca terjemahan tersebut dapat memahami dengan jelas maksud yang tersirat. Penjelasan tersebut boleh dijadikan sebagai nota kaki atau kurungan pada setiap terjemahan berkaitan. Selain itu, pemahaman penterjemah tentang unsur metafora dalam budaya asal merupakan faktor penting bagi menghasilkan terjemahan yang bermutu. Diharap dapatan kajian ini akan menyumbang kepada perkembangan penterjemahan al-Quran terjemahan perkata di Malaysia dan membantu para pembaca dalam memahami makna ayat dengan jelas.



**Kata kunci**

Terjemahan Perkata, Majaz Mursal, Ayat al-Quran, Surah al-Baqarah,

**Abstract**

*Majāz mursal is a word that is not used in its original meaning because of the presence of alaqah ghair musyabahah (non-parable relationship) accompanied by qarinah (hints) that prevents it from its original meaning and the relationships between these are such as causal relationships, causal relationships (effect), partial relationships, relationships related to things that have happened, relationships related to things that have not happened, relationships of places, circumstances and others. The relationship between the original meaning and the desired meaning is not based on similarity, but contains a meaningful relationship. Therefore, the language style of majāz mursal needs to be clearly translated so that its true meaning can be conveyed accurately into the target language. Therefore, this study aims to examine the translation of verses of the Qur'an that contain the majāz mursal language into Malay to see if the true meaning found in the message of the Qur'an matches the target text by using the text study method. Ten verses of the Qur'an in Surah al-Baqarah that contains majāz mursal from different alaqah (relationships) is selected for analysis. One of the purposes of the analysis is to take a closer look at the translation methodology of Majāz mursal used by the translators of the al-Quran word for word translation published by Yayasan Restu. The findings of this study can be summarized that the translator translated the verses of the Qur'an that were studied based on the zahir nas without emphasizing the metaphorical aspect of Majāz mursal and the purpose of the utterance. It can be categorized as a literal translation. In this case, the writer is of the opinion that the translation of Majāz mursal from the source language to the target language, especially Arabic to Malay, is necessary to explain the meaning from a rhetorical point of view by explaining the purpose of the pronunciation so that the readers of the translation can clearly understand the implied meaning. The explanation can be used as a footnote or bracket on each related translation. In addition, the translator's understanding of metaphorical elements in the original culture is an important factor in producing a quality translation. It is hoped that the findings of this study will contribute to the development of word-by-word translation of the Qur'an in Malaysia and help readers understand the meaning of the verse clearly.*

**Keywords**

*Word-by-word translation, majāz mursal, verse of quran, Surah al-Baqarah.*

**1.0 Pendahuluan**

Bahasa merupakan suatu anugerah daripada Allah. Bertujuan untuk menjadi alat komunikasi dan perhubungan agar apa yang ingin disampaikan dapat difahami oleh yang lain. Pemberian anugerah ini bukan sahaja tertakluk kepada makhluk Allah yang bernama manusia. Bahkan anugerah ini, telah Allah berikan kepada seluruh makhluknya seperti haiwan, jin, syaitan dan sebagainya. Ini dapat dilihat menerusi firman Allah dalam surah al-Naml 27: 22,

فَمَكَثَ غَيْرَ بَعِيدٍ فَقَالَ أَحَطْتُ بِمَا لَمْ تُحِطْ بِهِ وَجِئْتُكَ مِنْ سَبَإٍ بِنَبَأٍ يَقِينٍ

"Burung belatuk itu tidak lama ghaibnya selepas itu, lalu datang sambil berkata (kepada Nabi Sulaiman): "Aku dapat mengetahui secara meliputi akan perkara yang engkau tidak cukup mengetahuinya, dan aku datang kepadamu dari negeri Saba' dengan membawa khabar berita yang diyakini kebenarannya."

(Surah al-Naml: 22)

Menerusi kalam Allah ini, kita dapat menyaksikan bahawa burung turut juga mempunyai bahasanya yang tersendiri, yang tidak difahami oleh manusia kecuali Nabi Sulaiman. Al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. adalah untuk menyampaikan firman Allah Taala mempunyai bahasanya tersendiri. Bahasa yang digunakan di dalam kalamullah ini adalah bahasa Arab seperti maksud dalam surah al-Zumar 39: 28, "*ialitu al-Quran yang berbahasa Arab, yang tidak mengandungi sebarang keterangan yang terpesong; supaya mereka bertaqwa.*" Setiap bahasa mempunyai gayanya tersendiri yang di sebut gaya bahasa. Gaya bahasa atau *uslub* menjadikan sesebuah bahasa itu kelihatan indah dan penuh kesempurnaan. Antara gaya bahasa al-Quran adalah majaz. Majaz diklasifikasikan menjadi dua, iaitu majaz lughawy dan majaz aqliy. Selanjutnya majaz lughawy terbagi menjadi dua iaitu isti'arah dan mursal. Surah al-Baqarah sebagai surah terpanjang dalam al-Quran banyak sekali mempergunakan majaz dalam ungkapan-ungkapannya. Baik majaz itu berupa isti'arah, majaz mursal ataupun majaz aqliy. Majaz Mursal ialah kata yang disengaja digunakan untuk menunjukkan selain arti aslinya karena melihat persesuaian yang bukan penyerupaan serta adanya pertanda yang menunjukkan untuk tidak menghendaki makna aslinya. Dikatakan pula bahwasanya majaz ini dinamakan mursal karena terlepasnya dari ikatan (taqyid) dengan persesuaian khusus, tetapi majaz ini mempunyai persesuaian-persesuaian yang banyak dibandingkan dengan isti'arah yang hanya mempunyai satu persesuaian yaitu musyabbah (perserupaan). Disebabkan itu, gaya bahasa *majāz mursal* perlu diterjemahkan dengan tepat dan jelas agar maksudnya yang sebenar dapat difahami dengan tepat.

Kajian Nasimah Abdullah (2013 dan 2017) menyatakan bahawa aplikasi terjemahan secara literal terhadap *majāz mursal* adakalanya tidak menyebabkan berlakunya gangguan komunikasi antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran kerana kelaziman penggunaan gaya bahasa figuratif dalam sosio budaya masyarakat sumber dan sasaran sehingga masyarakat tidak perasan gaya bahasa tersebut adalah sebahagian daripada unsur figuratif. Walau bagaimanapun, adakalanya penterjemah tidak dapat menyampaikan maksud yang dikehendaki secara tepat kerana terlalu bergantung kepada cara terjemahan literal yang menyebabkan kehilangan makna *majāz mursal* dalam terjemahan (Nurbayan, 2016; Nasimah, 2019). Oleh itu, dalam banyak keadaan teks terjemahan makna al-Quran ke bahasa Melayu oleh Mahmud Yunus, Abdullah Basmeih, dan Zaini Dahlan tidak menterjemah *majāz mursal* secara literal (Nasimah, 2011). Hal ini juga disebabkan oleh faktor lain yang diambil kira dalam menterjemahkan *majāz mursal* al-Quran iaitu konteks dalam terjemahan (Nasimah, 2016).

## 2.0 Metodologi kajian

Kajian ini dijalankan secara kualitatif yang menggunakan kaedah perpustakaan sahaja

iaitu kajian yang tidak melibatkan kajian di lapangan. Menurut Mohd Shaffie (1991), kajian kepustakaan adalah kaedah yang digunakan untuk mendapat bukti dan data dengan melakukan kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Kajian ini bertujuan meneliti terjemahan ayat al-Quran yang mengandungi gaya bahasa *majāz mursal* ke dalam bahasa Melayu untuk melihat kesepadanan maksud sebenar yang terdapat dalam mesej al-Quran dengan teks sasaran dengan menggunakan metod kajian teks. Sepuluh ayat al-Quran dalam surah al-Baqarah yang mengandungi *majāz mursal* daripada alaqah (hubungan) yang berbeza dipilih untuk dianalisa. Antara tujuan analisis tersebut adalah untuk melihat dengan lebih dekat metodologi penterjemahan *Majāz mursal* yang digunakan oleh penterjemah al-Quran terjemahan perkata terbitan Yayasan Restu.

### 3.0 Pengertian Majaz Dalam Ilmu Balaghah

Al-Sayyid Ahmad al-Hasyimi dalam kitabnya *Jawahir al-Balaghah*, majaz sebagai:


الَلْفُظُّ الْمُسْتَعْمَلُ فِي غَيْرِ مَا وُضِعَ لَهُ فِي اصْطِلَاحِ التَّخَاطُبِ لِعِلَاقَةٍ مَعَ قَرِيْنَةٍ مَا نَعِدَةٍ مِنْ إِزَادَةِ الْمَعْنَى الْحَقِيْقِيَّةِ أَوْ الْوَضْعِيَّةِ.

“Lafaz yang digunakan bukan pada makna aslinya kerana adanya suatu hubungan (*‘alaqah*) serta tanda (*qarinah*) yang mengalihkan pemahaman seseorang untuk sampai kepada makna aslinya”.

Adapun yang dimaksud dengan *‘alaqah* adalah *al-munasabah* iaitu kesesuaian; sesuatu yang menghubungkan antara makna *hakiki* (makna asal) dengan makna *majazi* (makna kiasan). Hubungan antara makna *hakiki* dengan makna *majazi* kadang dalam bentuk *almusyabahah* yaitu keserupaan, kadang pula dalam bentuk *ghair al-musyabahah* yaitu bukan hubungan keserupaan. Sehingga apabila *‘alaqah*-nya dalam bentuk *al-musyabahah* yaitu dalam bentuk keserupaan, maka bentuk tersebut tergolong sebagai *majaz isti’arah*. Sedangkan kalau dalam bentuk *ghair al-musyabahah* maka tergolong sebagai *majaz mursal*.

Seni majaz tergolong dalam ilmu al-Bayan dalam kerangka balaghah Arab. Al-Bayan ditakrifkan sebagai ilmu yang membicarakan selok belok cara penyampaian sesuatu maksud melalui pelbagai tahap ungkapan, di samping mengambil kira situasi. Dalam bahasa Melayu, istilah ‘bayan’ telah diertikan dalam Kamus Dewan (2007) sebagai ‘nyata atau terang’, serta sebagai pengetahuan yang menerangkan erti dan maksud perkataan-perkataan dalam al-Quran (Noresah Baharom, et al. 2007). Dalam bahasa Melayu, kita tidak membunyikan vokal panjang yang terdapat sebutan asalnya, iaitu *al-Bayān*. Pengertian ‘bayan’ dalam Kamus Dewan bersifat umum dan tidak mencakupi semua aspek ilmu bayan sebagaimana dibincangkan dalam balaghah Arab. Hal ini kerana ilmu bayan mempunyai perbincangan yang lebih luas meliputi aspek - penyerupaan terus (*tashbih*), penyerupaan pindah (*isti’arah*), penyerupaan simbolik (*kinayah*) dan majaz (*majaz*).

Selain itu, istilah bayan tidak terhad kepada maksud dalam ayat-ayat al-Quran sahaja, bahkan meliputi semua ungkapan yang memenuhi ciri-ciri al-bayan dalam bahasa dan sastera Arab. Rajah 2 menunjukkan pecahan ilmu al-bayan dalam balaghah Arab dan kedudukan ilmu majaz yang menjadi fokus dalam perbincangan ini. Dalam ilmu bayan, perbincangan lebih menjurus kepada mengenali makna dan gaya penyampaiannya yang terdapat pada sesuatu ungkapan. Semasa menilai maksud sesuatu ungkapan, pertimbangan akan ditumpukan sama ada ungkapan itu digunakan secara terus terang menerusi makna langsung, atau secara kiasan yang mengandungi perumpamaan, ibarat, sindiran, lambang dan sebagainya. Oleh kerana perbincangan berkaitan ilmu al-bayan terlalu luas, maka skop perbincangan ini hanya difokus kepada salah satu cabang ilmu bayan, iaitu al-majaz.



**Rajah 2**

#### **4.0 Definisi Majaz Mursal**

Majaz mursal ialah:

*“Majaz Mursal ialah kata yang disengaja digunakan untuk menunjukkan selain arti aslinya karena melihat persesuaian yang bukan penyerupaan serta adanya pertanda yang menunjukkan untuk tidak menghendaki makna aslinya” (Sayyid Ahmad al-Hasyimi, 1994).*

Dikatakan pula bahwasanya *majaz* ini dinamakan *mursal* karena terlepasnya dari ikatan (*taqyid*) dengan persesuaian khusus, tetapi *majaz* ini mempunyai persesuaian-persesuaian yang banyak dibandingkan dengan *isti'arah* yang hanya mempunyai satu persesuaian yaitu *musyabbah* (perserupaan).

## 5.0 Pengertian 'Alaqah

المناسبة بين المعنى المنقول عنه والمنقول إليه

“Persesuaian antara makna yang dipindahkan dan makna yang dipindah.” (al-Hasyimi, 1994)

Disebut 'alaqah karena dengan hal itu makna yang kedua dapat berkait dan bersambung dengan makna yang pertama. Dengan demikian hati langsung berpindah dari makna yang pertama menuju makna yang kedua. Dengan diisyaratkannya melihat persesuaian, maka dikecualikan ucapan yang keliru atau *Ghalath*. Seperti ucapan, “ambillah buku ini”, dengan mengisyaratkan kepada seekor kuda misalnya. Sebab dalam contoh ini tidak ada persesuaian yang bisa dilihat.

Sebagaimana telah dijelaskan, bahawa 'alaqah adakalanya penyerupaan dan adakalanya bukan penyerupaan. 'alaqah merupakan penyerupaan terdapat dalam *isti'arah* sedangkan 'alaqah yang bukan penyerupaan terdapat dalam *majaz mursal* dan *majaz 'aqliy*. 'Alaqah yang bukan penyerupaan ada beberapa macam. Diantara macam-macam itu ada yang khusus terdapat pada *majaz mursal*, ada yang khusus terdapat pada *majaz 'aqliy* dan ada pula yang bisa berlaku pada kedua macam *majaz* tersebut.

## 6.0 Maksud Qarinah

“Perkara yang dijadikan oleh mutakallim sebagai petunjuk bahwa ia menghendaki dengan suatu lafaz itu pada selain makna aslinya”. (al-Hasyimi, 1994).

Dengan dikecualikannya pertanda atau *qarinah* dengan ketentuan “menghalangi untuk menghendaki makna asli”, maka dikecualikan bentuk “*kinayah*” (الكناية). Sebab *kinayah* mempunyai *qarinah* yang tidak menghalangi untuk menghendaki makna asli. *Qarinah* itu ada kalanya *lafzhiyyah* dan ada kalanya *haliyyah*. *Qarinah* disebut *lafzhiyyah* apabila *qarinah*-nya diucapkan dalam susunan kalimat. Contohnya ialah seperti ucapan kita (رأيت أسدا في المدرسة) *aku melihat seekor singa di madrasah*. *Qarinah*-nya ialah lafaz *madrasah*. Karena singa yang sebenarnya mustahil berada di madrasah jadi kalimat tersebut adalah *majaz (isti'arah)* yang *qarinah*-nya adalah *lafzhiyyah*. *Qarinah* disebut sebagai *haliyyah*, apabila *qarinah* hanya dipahami dari keadaan *mutakallim* atau dari kenyataan yang ada. Contohnya ialah firman Allah (يَجْعَلُونَ أَصْلَبَهُمْ فِي آذَانِهِمْ) *mereka menjadikan jari-jari mereka di dalam telinga mereka*. *Qarinah* dari ayat ini tidak dipahami dari lafaz-lafaznya melainkan dari keadaannya saja bahwa mustahil memasukkan jari ke dalam telinga. Karena itu *qarinah*-nya disebut *haliyyah*.

## 7.0 Alaqah-Alaqah Majaz Mursal

*Majaz mursal* mempunyai persesuaian-persesuaian yang banyak, seperti yang diterangkan Dr. Ahmad Mathlub dalam *Fununun Balaghiyyah*, yaitu:

- 1) *Juz'iyah*, ertinya bahagian, iaitu adanya lafaz yang disebutkan disimpan oleh makna sesuatu yang lain.
- 2) *Kulliyah*, ertinya keseluruhan, iaitu adanya makna yang dipindahkan menyimpan hal yang dimaksudkan dan lainnya.
- 3) *Sababiyyah*, iaitu adanya makna yang dipindahkan itu merupakan sebab dan memberi pengaruh pada lainnya.
- 4) *Musabbabiyyah*, ertinya akibat, iaitu adanya suatu makna yang dipindahkan merupakan hal yang disebabkan atau akibat bagi sesuatu yang lain.
- 5) *I'tibâru mâkân*, atau *sabaq*, ertinya menganggap apa yang telah lalu iaitu memandang kepada masa yang telah lewat.
- 6) *I'tibâru mâ yakun*, atau *istidad*, ertinya menganggap apa yang bakal terjadi, iaitu melihat apa yang akan terjadi dimasa yang akan datang.
- 7) *Mahalliyyah*, (yang ditempati), iaitu adanya sesuatu menjadi tempat bagi sesuatu yang lain.
- 8) *Halliyyah*, (yang menempati) iaitu adanya sesuatu itu menempati pada lainnya
- 9) *Aliyyah*, ertinya alat, iaitu adanya sesuatu merupakan perantara atau alat untuk menyampaikan pengaruh sesuatu kepada lainnya.
- 10) *Mujawarah*, ertinya berdampingan, iaitu adanya sesuatu itu berdekatan dengan sesuatu yang lain.
- 11) *Malzumiyyah*, ertinya yang ditetapi, iaitu adanya sesuatu pasti terwujud ketika sesuatu yang lain terwujud.
- 12) *Lazimiyyah*, ertinya yang menetapi, iaitu adanya sesuatu pasti terwujud dikala sesuatu lain terwujud.  
Sebab cahaya akan terwujud ketika matahari terbit. Yang dianggap disini adalah kelaziman yang khusus, iaitu tidak dapat dipisahkan.
- 13) *Muthlaqiyyah*, iaitu adanya sesuatu itu dilepaskan dari beberapa batasan.
- 14) *Muqayyadatiyyah*, ertinya pembatasan, iaitu adanya sesuatu itu dibatasi dengan suatu Batasan atau lebih banyak.
- 15) *Khusus*, iaitu adanya lafaz memang khusus untuk sesuatu yang satu, seperti mengucapkan nama seseorang untuk menghendaki suku atau puak.
- 16) *'Umum*, iaitu adanya sesuatu itu mencakup hal yang banyak adalah *majaz mursal* yang *'alaqah*-nya adalah *'umum*, maksudnya menyebutkan lafaz umum tetapi menghendaki arti khusus.
- 17) *Ithlaqul Jam'i wa Iradatul Mutsanna*, ertinya dilepaskan dengan bentuk jamak, tetapi yang dikehendaki adalah *mutswana* (dua).
- 18) *Nuqshan*, (pengurangan), termasuk *nuqshan* adalah membuang *mudhaf* dan menetapkan *mudhaf ilaih* pada tempat *mudhaf*.
- 19) *Ziyadah*, (tambahan).
- 20) *Ithlaqu Ismidh-dhiddaini alal akhar* ertinya menyebutkan sesuatu, tetapi yang dikehendaki adalah kebalikannya (lawan katanya).

21) *Iqamatu shighah maqama ukhra*, ertinya menetapkan satu *shighah* yang maksudnya adalah *shighah lain*, ‘*Alaqah* ini disebut juga *ta’alluq isytiqaq*.’

## 8.0 Analisis Ayat Majaz Mursal Dalam Surah Al-Baqarah

1. يُخَادِعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَمَا يَخْدَعُونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ

“Mereka hendak menipu Allah dan orang-orang yang beriman, padahal mereka hanya memperdaya dirinya sendiri, sedang mereka tidak menyedarinya.”

(Surah al-Baqarah: 9)

Ungkapan يُخَادِعُونَ اللَّهَ merupakan majaz mursal dengan ‘*alaqah* pengguguran mudhaf atau pembuangan mudhaf iaitu perkataan رسول. Maksud yang sebenar adalah “mereka menipu Rasulullah”. Adalah sangat mustahil dan tidak dapat diterima dengan akal bagi manusia itu mereka mampu menipu atau membohongi Allah swt, sedangkan Allah swt mengetahui segala sesuatu yang berlaku seperti firmanya dalam Surah Ali Imran ayat 119 yang berbunyi “sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui akan segala (isi hati) yang ada di dalam dada.

Dapat diperhatikan bahawa Yayasan Restu menterjemahkan ungkapan *majāz mursal* tersebut secara literal yang tidak menjelaskan makna sebenar yang hendak disampaikan kepada pembaca sasaran. Penterjemahan secara literal adalah tidak selari dengan dasar retorik bahasa Arab malah menyebabkan berlaku kehilangan makna sebenar ungkapan *majāz mursal* tersebut dan tidak mungkin difahami oleh pembaca sasaran.

Untuk mencapai kesepadanan makna sebagaimana yang ditafsirkan oleh kitab tafsir muktabar, penterjemah boleh mengambil pendekatan peluasan makna melalui strategi eksplisitasi menggunakan maklumat tambahan dengan bentuk kurungan seperti berikut:

“Mereka hendak menipu (Rasul) Allah dan orang-orang yang beriman.”

2. مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي ظُلُمَاتٍ لَا يُبْصِرُونَ

“Perumpamaan mereka umpama orang yang menyalakan api; maka setelah ia menerangi apa yang disekelilingnya, menghilangkan Allah akan cahaya mereka dan meninggalkan mereka dalam kegelapan tidak mereka melihat.”

(Surah al-Baqarah: 17)

Ungkapan *اعتبار ما أستوقد ناراً* dalam ayat ini ialah majaz mursal dengan ‘alaqah *اعتبار ما يكون* (menganggap apa yang akan terjadi). *Qarinah* (petunjuk) dalam ayat ini ialah lafaz *ناراً*. Maksud yang dikehendaki dalam ayat ini ialah “menyalakan kayu api sehingga menjadi api” bukan menyalakan api. Dapat diperhatikan bahawa Yayasan Restu menterjemahkan ungkapan *majāz mursal* tersebut secara literal iaitu “menyalakan api” dan “. Hal ini kerana, teks tersebut menginterpretasikan makna kosa kata tersebut dengan mengekalkan bentuk teks sumber tanpa membuat penyesuaian mesej teks sumber.

Untuk mencapai kesepadanan makna sebagaimana yang ditafsirkan oleh kitab tafsir muktabar penterjemah boleh mengaplikasikan strategi eksplisitasi melalui maklumat tambahan dengan bentuk kurungan seperti berikut:

“Perumpamaan mereka umpama orang yang menyalakan api (menyalakan kayu api sehingga menjadi api)”.

3. أَوْ كَصَيِّبٍ مِّنَ السَّمَاءِ فِيهِ ظُلُمَاتٌ وَرَعْدٌ وَبَرْقٌ يَجْعَلُونَ أَصَابِعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ مِّنَ الصَّوْعِقِ حَذَرَ الْمَوْتِ ۗ وَاللَّهُ مُحِيطٌ بِالْكَافِرِينَ

“Atau seperti hujan lebat dari langit di dalamnya kegelapan dan guruh serta kilat, mereka menjadikan jari jari mereka ke dalam telinga-telinga mereka dari bunyi petir (kerana) takut mati dan Allah meliputi terhadap orang kafir.”

(Surah al-Baqarah: 19)

*Majaz mursal* dalam ayat ini ialah firman-Nya *يَجْعَلُونَ أَصَابِعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ* (mereka menjadikan jari-jari mereka dalam telinga-telinga mereka). Memasukkan keseluruhan jari-jari ke dalam telinga adalah mustahil. Yang dimaksud dengan jari-jari adalah hujung jari. Dengan demikian penggalan ayat ini adalah *majaz mursal* dengan *alaqah kulliyah* dan *qarinah*-nya adalah *haliyyah*. Kita dapat perhatikan bahawa terjemahan Yayasan Restu adalah secara literal yang mengakibatkan kekeliruan kepada kefahaman pembaca sasaran, iaitu adakah mungkin jari disumbat ke dalam telinga. Untuk mencapai kesepadanan makna sebagaimana yang ditafsirkan oleh kitab tafsir muktabar dan memandu pembaca sasaran memahami fenomena tersebut, penterjemah boleh mengambil pendekatan peluasan makna melalui strategi eksplisitasi dengan bentuk penambahan maklumat seperti berikut:

“mereka menyumbat telinga mereka dengan anak jari mereka kerana (mendengar bunyi) petir, sebab mereka takut mati”

4. يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

“Wahai manusia sembahlah tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang yang dari sebelum kamu agar kamu (kamu) bertakwa.”

(Surah al-Baqarah: 21)

Lafaz **لعل** dalam ayat ini adalah *majaz mursal* dengan ‘alaqah **إطلاق الترجي** (dilepaskan) dari bentuk tarajji tetapi yang diinginkan adalah kepastian terjadinya sesuatu itu). Ar- Raghīb berkata: **لعل** adalah mengharapkan terjadinya sesuatu dan mengharapkan tidak terjadinya sesuatu (*thama*” dan *isyfaq*). Walaupun demikian kata **لعل** tersebut kadang-kadang menunjukkan pengharapan orang pertama, orang kedua atau orang ketiga. Pengharapan orang pertama dalam hal ini adalah Allah swt wajib terjadinya. Kerana pada dasarnya pengharapan berangkat dari ketidaktahuan akan apa yang akan terjadi. Sedangkan Allah swt mengetahui apa yang akan terjadi

Berdasarkan terjemahan oleh Yayasan Restu, terjemahan ini dapat diterima kerana ia membawa maksud yang dapat difahami.

5. وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ

“Dan dirikanlah kamu solat dan tunaikan zakat serta rukuklah kamu beserta orang yang rukuk.”

(Surah al-Baqarah: 43)

Ayat al-Quran dalam di atas mengandungi *majāz mursal* pada Kosa kata **واركعوا**. Kosa kata tersebut merupakan *majāz mursal* dengan alaqah **جuz**”*iyah* (dilepaskan dari makna sebagian tetapi maksudnya adalah menyatakan keseluruhan). Ayat ini adalah *majaz* yang jelas, **ركوع** secara bahasa artinya adalah membongkokkan dan menundukkan kepala. Ia juga adalah salah satu gerakan dalam solat. menyebutkan *rukuk*” untuk makna solat tidak diragukan lagi ia adalah *majaz mursal*.

Dapat diperhatikan bahawa Yayasan Restu menterjemahkan ungkapan *majāz mursal* tersebut secara harfiah yang tidak menjelaskan makna sebenar yang hendak disampaikan kepada pembaca sasaran. Penterjemahan secara harfiah adalah tidak selari dengan dasar retorik bahasa Arab malah menyebabkan berlaku kehilangan makna sebenar ungkapan *majāz mursal* tersebut dan tidak mungkin difahami oleh pembaca sasaran.

Untuk mencapai kesepadanan makna sebagaimana yang ditafsirkan oleh kitab tafsir muktabar dan memandu pembaca sasaran memahami fenomena tersebut,

penterjemah boleh mengambil pendekatan peluasan makna melalui strategi eksplisitasi dengan bentuk penambahan kurungan seperti berikut:

“Dan dirikanlah kamu solat dan tunaikan zakat serta rukuklah kamu (solat berjemaah) beserta orang yang rukuk.”

6. وَأَتَّقُوا يَوْمًا لَا تَجْزِي نَفْسٌ عَنْ نَفْسٍ شَيْئًا وَلَا يُقْبَلُ مِنْهَا شَفَاعَةٌ وَلَا يُؤْخَذُ مِنْهَا عَدْلٌ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ

“Dan takutlah kamu akan hari yang tidak (dapat) membela seorang dari orang lain sesuatu pun dan tidak diterima dari padanya syafaat dan tidak diambil daripadanya tebusan dan tidak mereka (mereka) ditolong.”

(Surah Al-Baqarah: 48)

Ayat al-Quran ini merujuk kepada hari kiamat, percaya dan beriman kepada hari kiamat merupakan rukun iman ke-5 yang wajib dipegang dan diyakini oleh orang Islam. Kata أخذ maksud asalnya adalah القبض باليد iaitu mengambil dan memegang dengan tangan. Ia adalah suatu kata kerja muta<sup>2</sup>addi, iaitu kata kerja transitif yang memerlukan objek yang bersifat materi dan konkrit. Sedangkan العدل (keadilan) ialah sesuatu yang bersifat abstrak. Ia bukanlah sesuatu yang dapat digambarkan dengan materi, apalagi dapat diambil dan dipegang dengan kedua tangan. Pemakaian kata العدل (keadilan) sebagai na<sup>2</sup>ibul fa<sup>2</sup>il untuk kata kerja أخذ pada ayat ini adalah sesuatu yang menyimpang dari kaedah bahasa. Sebagaimana telah kita ketahui, setiap sesuatu yang menyimpang dari kaedah bahasa, tidak syak lagi, hal itu merupakan majaz.

Kata عدل (keadilan) pada ayat ini dengan فدية atau فداء yang membawa maksud tebusan. Baik tebusan itu berupa harta, orang yang menggantikan atau taubat. Sebab, ketika manusia telah dihadapkan kepada Allah pada hari kiamat nanti, pintu taubat sudah ditutup. Hanya amalnya sewaktu di dunialah yang dapat menyelamatkannya. Bukan hartanya, anak buahnya atau kekuasaannya. Dengan demikian jelaslah bahwa kata عدل pada ayat ini adalah majaz mursal. Penyebutan عدل untuk makna فدية أو فداء pada ayat ini kerana adanya alaqah yaitu ملزومية (malzumiyyah). Sebab, biasanya keadilan selalu disertai dengan sesuatu yang seimbang nilainya atau dengan kata lain, keadilan selalu disertai dengan tebusan.

Penterjemah menginterpretasikan makna perkataan tersebut dengan mengekalkan bentuk teks sumber tanpa membuat penyesuaian mesej teks sumber yang. Penterjemahan secara literal ini telah menyebabkan berlaku kehilangan makna sebenar ungkapan majaz mursal dan tidak mungkin difahami oleh pembaca sasaran. Untuk mencapai kesepadanan makna, penterjemah boleh menggunakan strategi eksplisitasi melalui maklumat tambahan dengan bentuk nota kaki.

7. وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَانَكُمْ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَءُوفٌ رَحِيمٌ

“Dan tidak adalah Allah untuk menghilangkan iman (solat) kamu, Sesungguhnya Allah kepada manusia benar maha pengasih maha penyayang.”

(Surah al-Baqarah: 143)

Lafaz *إيمانكم* pada ayat tersebut merupakan majaz mursal. ‘Alaahnya adalah *lazimiyyah*. Sebab, iman tidak sempurna tanpa solat dan juga kerana solat itu terdiri dari niat, perkataan dan perbuatan. Sehingga orang yang solat dapat dipastikan adalah beriman kepada Allah. Imam al-Qurthubi menyebutkan bahawa para ulama tafsir sepakat mengatakan bahawa ayat ini turun mengenai orang-orang yang meninggal dunia pada saat mereka masih solat menghadap Baitul Maqdis. Ayat ini turun menjawab pertanyaan para sahabat kepada Nabi saw tentang orang-orang yang mati sebelum pemindahan arah Kiblat. Allah tidak mensia-siakan solat mereka yang menghadap Baitul Maqdis itu bahkan Allah memberi mereka pahala. Dengan demikian jelaslah bahawa *إيمانكم* dalam ayat ini adalah majaz mursal.

Dapat diperhatikan terjemahan Yayasan Restu mengaplikasikan strategi eksplisitasi melalui penggunaan kaedah kurungan iaitu “Dan tidak adalah Allah untuk menghilangkan iman (solat) kamu.” Penterjemahan sebegini pada pandangan penulis sebenarnya lebih jelas kerana teks terjemahan tersebut cuba menzahirkan makna *majaz mursal* yang sebagaimana terkandung dalam dasar retorik bahasa Arab.

8. إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ الْكِتَابِ وَيَشْتَرُونَ بِهِ ثَمَنًا قَلِيلًا أُولَئِكَ مَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ إِلَّا النَّارَ

“Sesungguhnya orang yang (mereka) menyembunyikan apa yang telah menurunkan oleh Allah daripada kitab dan mereka menjual dengannya harga yang murah mereka itu tidak (mereka) mengisi makan dalam perut-perut mereka melainkan api neraka.”

(Surah al-Baqarah: 174)

Majaz mursal pada ayat di atas ialah ungkapan *إلا النار*. Ayat ini adalah *majaz mursal* dengan alaqah *musabbabiyyah* (مسببية). Yaitu, bahawa memakan dari harta yang haram itu menyebabkan ia mendapat azab api neraka. Atau boleh juga dikatakan alaqahnya, adalah *l'tibaaru ma yakun* (اعتبار ما يكون). Iaitu, bahawa harta yang haram itu nantinya akan menjadi api di akhirat kelak. Kenyataannya adalah bahawa mereka tidaklah memakan api. Tetapi, maksudnya ialah mereka tidaklah memakan dari harta

yang didapat dari menjual ayat-ayat Allah itu, melainkan yang dimakan itu nantinya di akhirat akan menjadi api. Beginilah yang dikatakan oleh kebanyakan ahli tafsir.

Berdasarkan terjemahan perkata tersebut, penterjemah menginterpretasikan makna perkataan tersebut dengan mengekalkan bentuk teks sumber tanpa membuat penyesuaian mesej teks sumber yang membawa maksud sebab laitu, bahwa memakan dari harta yang haram itu menyebabkan ia mendapat azab api neraka. Penterjemahan secara literal telah menyebabkan berlaku kehilangan makna sebenar ungkapan *majāz mursal* dan tidak mungkin difahami oleh pembaca sasaran. Untuk mencapai kesepadanan, penterjemah boleh menggunakan strategi eksplisitasi melalui maklumat tambahan dengan bentuk nota kaki seperti berikut:

“Sesungguhnya orang yang (mereka) menyembunyikan apa yang telah menurunkan oleh Allah daripada kitab dan mereka menjual dengannya harga yang murah mereka itu tidak (mereka) mengisi makan dalam perut-perut mereka melainkan api neraka (1) laitu, bahwa memakan dari harta yang haram itu menyebabkan ia mendapat azab api neraka.”

## 9. الطَّلُقُ مَرَّتَانٍ ط

“Talak itu dua kali.”

(Surah al-Baqarah: 229)

Ayat al-Quran di atas berkenaan dengan talak/cerai. Perkataan الطلاق pada ayat di atas adalah adalah *majaz mursal* dengan alaqah *muthlaqiyyah*. Yaitu menyebutkan dengan bentuk *muthlaq* tetapi yang dimaksud adalah *muqayyad*.

Dapat diperhatikan bahawa terjemahan perkata oleh Yayasan Restu menterjemahkan ungkapan *majāz mursal* tersebut secara literal yang tidak menjelaskan makna sebenar yang hendak disampaikan kepada pembaca sasaran. namun penulis berpandangan bahawa kaedah secara literal ini tidak menyebabkan berlakunya gangguan komunikasi antara masyarakat sumber dengan masyarakat sasaran ekoran kelaziman penggunaan gaya Bahasa tersebut dalam sosiobudaya masyarakat sumber dan sasaran.

Walau bagaimanapun, untuk mencapai kesepadanan makna sebagaimana yang ditafsirkan oleh kitab tafsir muktabar, penterjemah boleh mengambil pendekatan peluasan makna melalui strategi eksplisitasi menggunakan maklumat tambahan dengan bentuk kurungan seperti berikut:

“Talak itu (yang boleh dirujuk Kembali itu hanya) dua kali.”

Dengan demikian jelaslah bahawa lafaz الطلاق pada ayat tersebut adalah *muqayyad* (ada batasan-batasannya).

## 10. وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِ اللَّهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ

“Dan tidak mereka mengetahui dengan sesuatu daripada ilmu-Nya melainkan dengan apa yang (dia) kehendaki.”

Lafaz *علمه من* pada ayat ini adalah *majaz mursal* dengan alaqah *إطلاق المصدر العلم* (menyebutkan bentuk mashdar untuk makna maf'ul). masdar *العلم* menunjukkan kepada arti fiilnya yaitu mengetahui. Seterusnya dhamir *ه* yang beridhafat kepada *علم* pada ayat ini akan bermakna *maf'ul*.

Dapat dilihat terjemahan perkata oleh Yayasan Restu menterjemahkan ungkapan *majāz mursal* tersebut secara literal yang tidak menjelaskan makna sebenar yang hendak disampaikan kepada pembaca sasaran. namun penulis berpandangan bahawa kaedah secara literal ini tidak menyebabkan berlakunya gangguan komunikasi antara masyarakat sumber dengan masyarakat sasaran. Sekiranya penterjemahan ingin mencapai kesepadanan makna sebagaimana yang ditafsirkan oleh kitab tafsir muktabar dan memandu pembaca sasaran memahami fenomena tersebut, penterjemah boleh mengambil pendekatan peluasan makna melalui strategi eksplisitasi dengan bentuk penambahan maklumat seperti berikut:

“Dan tidak mereka mengetahui dengan sesuatu daripada ilmu-Nya iaitu Allah melainkan dengan apa yang (dia) kehendaki.”

Jelaslah melalui kaedah pendekatan peluasan makna melalui strategi eksplisitasi dengan bentuk penambahan maklumat, terjemahan tersebut lebih jelas dan mudah difahami oleh pembaca sasaran.

## 9.0 Perbincangan

Daripada dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa usaha menterjemah al-Quran yang mempunyai unsur figuratif khususnya *majāz mursal* memerlukan kepada pemahaman yang mendalam terhadap kaedah tersebut dari sudut balaghah. Ini kerana terjemahan *majāz mursal* yang berkesan adalah terjemahan yang dapat memberi makna yang tersirat dan mudah difahami. Selain itu juga, berdasarkan sepuluh contoh ayat majaz mursal yang dipilih, penulis melihat banyak ayat majaz mursal ini diterjemahkan secara literal menyebabkan maksud sebenar tidak dapat difahami dengan jelas.

## 10.0 Kesimpulan

Adakalanya terjemahan ayat *majāz mursal* secara literal tidak mengganggu komunikasi antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran. Namun ada juga keadaan di mana terjemahan secara literal tidak menepati kehendak makna sebenar mesej al-Quran. Justeru, strategi terjemahan lain perlu diguna pakai agar makna sebenar mesej al-Quran dapat disampaikan kepada pembaca sasaran. Penulis berpandangan jika terdapat terjemahan yang lebih menepati maksud sebenar sebagaimana pentafsiran

kitab tafsir yang muktabar maka masyarakat Melayu perlu merujuk kepada hasil terjemahan tersebut. Oleh itu, dalam usaha memahami maksud ayat *majāz mursal*, disarankan agar tidak bergantung kepada hanya satu hasil terjemahan sahaja. Penulis juga berpendapat bahawa perlu ada semakan terhadap cetakan-cetakan terkini demi penambahbaikan terhadap hasil terjemahan tersebut memandangkan kedapatan kekurangan dalam sesetengah terjemahan al-Quran.

## Rujukan

- Abdullah, N., Samsudin, S., Sulaiman, F., Disember 2020 *Majaz Mursal Dalam Teks Terjemahan al-Quran Oleh Yayasan Restu Dan Al-Hidaya House of al-Quran: Satu Perbandingan*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bab 1, *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Linguistik, Kesusasteraan Dan Ketamadunan Arab*.
- Noor, M.S., 2019, *Majaz Mursal Dalam Surah al-Baqarah*, Vol.6 No.1 (2019)/Issn: 2615-3890, Jurnal Al-Maqayis.
- Abdullah, N., Samsudin, S., Sulaiman, F., Jun 2021, *Masalah Semantik Dalam Terjemahan Majāz Mursal al-Quran: Analisis Terhadap Hubungan Musabbab*, Journal Al-Irsyad, Vol.6 NO.1, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Gamal Abd Nasir Bin Hj Zakaria, Abdul, A.H., Abd Rahman, M.Z., Wahibah Twahir, @ H.Tahir, 2020, *Seni Majaz Dalam Bahasa Melayu: Analisis Berdasarkan Ilmu Balaghah Arab*, Pendeta Journal Of Malay Language, Education And Literature Jilid 11 No.1 / Issn 1823-6812 (18-32).
- Radzi, S.F., Baharudin, H., 2019, *Analisis Kontrasif Tasybih Dan Istia'rah Dengan Simile Dan Metafora*, Jurnal Ilmi Journal of Ilmi Jilid 9, 2019: 44-55, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (Ukm).
- Pa, M.T., 2016, *Konsep Makna Dan Jenisnya*, Jurnal Kesidang Journal of Kesidang Jilid 1: 1-19, Fakulti Bahasa Dan Linguistik Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Ash-Shiddiqiy, A., Baharuddin H.S, Haniah, November 2021, *Majaz Mursal Pada Surah al-Kahfi*, Volume 18, Issn Print: 1693-8135, Penerbit: Departemen Sastra Asia Barat, Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Hasanuddin.
- Hussin, M., Sapar, A.A., Pa, M.T., 2019, *Majāz Mursal Dalam Amthāl Rasulullah (S.A.W.)*, Journal of Arabic Linguistic And Literature (Jall) 1 (1), 61-80, Faculty Of Languages And Linguistic University Of Malaya.
- Izham, S.S., 2013, *Uslub Metafora Dalam Al-Qur'an: Kajian Terhadap Surah al-Kahfi*, Jabatan Al-Qur'an Dan Al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Abdullah, N., Abd Rahman, L., Jun 2016, *Terjemahan Ayat Figuratif Dalam al-Quran: Perbandingan Antara Penterjemah Individu Dan Berkumpulan*, Vol 3 Bil 1, E-Issn: 2289 8042.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka (2005), Kamus Dewan, Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Al-Quran al-Karim Bertajwid Dan Terjemahan Beserta Ensiklopedia al-Quran, Cetakan Kelima 2021, Diterbitkan Oleh Yayasan Restu, Dicitak Oleh Nasyrul Quran.